Persaingan untuk mengisi ruang tenaga kerja sepertimana dalam Transformasi Politeknik, memerlukan individu yang lebih berdaya tahan, berdaya juang dan boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi dalam industri dan pekerjaan. Ini bagi membolehkan tenaga kerja yang dilahirkan lebih berkualiti dan meningkatkan kemampuan untuk bersaing secara global (Zuhaila, Mohd Safarin, & Muhammad Syukri, 2012). Ciri – ciri daya tahan dan daya juang ini sangat penting bagi memastikan mereka berkemampuan untuk menghadapi serta mengendalikan cabaran dengan baik. Ciri – ciri ini jelas dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mentakrifkan insan yang seimbang dan harmonis sebagai individu yang memiliki ketahanan untuk menghadapi segala cabaran hidup serta sanggup berhadapan dengan apa jua masalah yang timbul. Begitu juga dengan istilah rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri yang ditakrifkan sebagai individu yang

mempunyai daya ketahanan yang kuat untuk menghadapi cabaran hidup (Mohd Fathi Adnan, Rohana Hamzah, & Amirmudin Udin, 2010).

Justeru, wujud keperluan untuk mengkaji kemampuan seseorang menghadapi cabaran bagi menjadikan individu tersebut lebih berdaya tahan. Ia membantu memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sepertimana termaktub dalam FPK.

1.2 Latar Belakang

Kecerdasan menghadapi cabaran atau AQ diasaskan oleh Stoltz (1997) dengan tujuan asalnya untuk memperkasakan syarikat dan organisasi. Idea AQ wujud apabila banyak cabaran yang terpaksa dihadapi manusia dalam kehidupan seharian dan pekerjaan. Seseorang pekerja memerlukan ciri – ciri seperti kebolehan menghadapi cabaran, daya tahan atau mudah bangkit daripada kegagalan. Untuk melahirkan pekerja yang boleh menghadapi cabaran, maka potensi mereka perlu digilap sejak daripada zaman persekolahan. Ini memberi gambaran bahawa pekerja industri yang berdaya tahan boleh dilahirkan melalui pengukuhan AQ di institusi pendidikan seperti politeknik. Zuhaila et al. (2012) turut menjelaskan pelajar perlu dipersiapkan dengan kemahiran khas dalam menghadapi cabaran dan bukannya ilmu pekerjaan semata – mata.

Sorotan kajian lepas menunjukkan kecenderungan kajian berkaitan AQ dalam lapangan pendidikan (Tripathi, 2011; Williams, 2003). Implementasi AQ berupaya melahirkan pelajar yang kompeten, tahan lasak (Santos, 2012) dan berupaya

memperkasakan diri pelajar (D'Souza, 2006). Daripada sudut pencapaian, AQ berperanan sebagai peramal kejayaan global (D'Souza, 2006; Stoltz & Weihenmayer, 2010; Stoltz, 1997, 2007). Kejayaan dalam konteks pelajar politeknik adalah pencapaian akademik, yang merupakan kayu ukur utama dalam penilaian prestasi seseorang pelajar. Maka, potensi AQ kepada pembangunan diri pelajar mampu membantu mereka mengendalikan cabaran dengan baik dan dijangka meningkatkan pencapaian akademik mereka di politeknik.

1.2.1 Keperluan terhadap AQ

Walaupun AQ merupakan peramal yang penting terhadap kejayaan global, kajian tentangnya masih kurang dijalankan (Rachmat, 2007). Variabel AQ juga didapati masih baharu dalam kalangan majoriti individu (Macasaet, 2013). AQ bukan sahaja masih asing di Malaysia, malah dilihat masih baharu di sesetengah negara seperti Indonesia dan Filipina (Macasaet, 2013; Rachmat, 2007). Kajian tentang AQ didapati masih kurang di Malaysia kerana kajian lepas tidak membekalkan bukti empirikal yang mencukupi bagi menyokong model AQ di Malaysia berbanding negara lain.

Kekurangan kajian AQ di Malaysia didapati sangat ketara berbanding kajian lepas dari barat seperti (Langvardt, 2007; Thi, 2007; Williams, 2003) dan beberapa negara Asia seperti (Deesom, 2011; Kanjanakaroon, 2012; Pangma, Tayraukham, & Nuangchalerm, 2009), Singapura (Ng, 2013), Brunei (Ang & Low, 2012), Filipina (Bantang, Bianes, Caguingin, Estrella, & Macanlalay, 2013; Bautista, 2015; Macasaet, 2013; Napire, 2013), India (Jain, 2012; Nikam & Uplane, 2013; Paramanandam & Shwetha, 2013; Shivaranjini, 2014), China (Tian & Fan, 2014),

Taiwan (Shen, 2014b) dan Indonesia (Khalia, 2014; Ivon, Enikarmila, & Yulis, 2014; Muhammad Shohib, 2013). Kekurangan ini menjadi jurang besar yang mesti dipenuhi menerusi kajian empirikal AQ di Malaysia.

Pembinaan ilmu AQ adalah berasaskan kepada keupayaan seseorang menghadapi satu – satu cabaran seperti persaingan, produktiviti dan pembelajaran (Stoltz, 1997). Oleh itu, cabaran dan AQ merupakan dua variabel yang saling berkaitan. Cabaran – cabaran pelajar politeknik terbahagi kepada dua iaitu cabaran dalaman dan luaran. Cabaran dalaman adalah seperti masalah penggunaan bahasa Inggeris (Sanmugam, Rajanthran, & Nurul Wahida, 2012), pengurusan masa (Siti Nur Haziratul, 2012) serta faktor rakan sebaya dan bebanan tugas (Abd. Rahman, Ros Aini, Majdi, & Rashdan, 2011). Cabaran luaran pula meliputi masalah perkhidmatan bas (Zainap, Normah, & Canarisa, 2012) dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran (Noremy & Fadilah, 2010). Tidak semua pelajar mampu menghadapi cabaran – cabaran ini. Kebanyakan mereka berusaha untuk mengelak dan menafikan cabaran sehingga membawa kepada perasaan kekecewaan yang mendalam dan kesukaran dalam kehidupan (Macasaet, 2013). Tekanan yang dihadapi boleh membawa kesan buruk seperti kemerosotan pencapaian akademik, kemurungan dan sendiri yang lemah.

1.2.2 AQ dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Salah satu intipati FPK menjelaskan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis

daripada segi Jasmani, Emosi, Rohani, dan Intelek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Oleh kerana potensi individu boleh diperkembangkan secara berterusan, maka AQ sangat berpotensi menjadi pelengkap kepada JERI dalam FPK. Agus (2002) pernah menjelaskan suatu istilah dinamakan kecerdasan kuantum yang menyelongkar keupayaan kognitif, emosi, spiritual dan AQ secara berkesinambungan dan memaksimumkan keseluruhan potensi individu secara seimbang, sinergi dan komprehensif.

Tiga jenis kecerdasan yang selalu diberikan perhatian utama di Malaysia adalah kecerdasan kognitif (intelekt), emosi dan spiritual. Walaupun tahap kecerdasan ini berbeza – beza mengikut individu, namun gabungan kecerdasan ini adalah sangat berpotensi (Soebyakto, 2012). Selain itu, paduan tiga kecerdasan ini mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap sikap dan etika mahasiswa (Ridwan, Iwan, & Unti, 2006). Perkembangan kecerdasan intelek, emosi dan spiritual dalam dunia pendidikan adalah sangat penting bagi meningkatkan kualiti diri seseorang (Andik, 2005). Namun, kekuatan semua kecerdasan ini masih belum mencukupi untuk membantu pelajar menghadapi cabaran dalaman dan luaran.

Seseorang individu yang mampu menghadapi cabaran dengan cemerlang akan mengukuhkan lagi aspek kecerdasan yang lain seperti kecerdasan kognitif, kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dalam diri mereka. Hetzel dan Stranske (2007) menjelaskan bahawa perkaitan tersebut sangat ketara apabila dalam bidang pedagogi, guru boleh mengoptimumkan jiwa dan spiritual pelajar kepada Tuhan dan persekitaran mereka melalui gabungan kesemua kecerdasan tersebut.

Kesepakatan tentang perkaitan antara sesama kecerdasan sememangnya wujud (Ma'rof & Haslinda, 2008; Mayer & Salovey, 1997; Mohd Azhar, 2007). Malah kajian lanjutan untuk menghubungkan AQ dengan aspek kognitif, emosi dan spiritual telah lama dicadangkan (Alka, 2012; Williams, 2003). Kajian lepas turut menunjukkan impak kecerdasan menghadapi cabaran terhadap kecerdasan intelek, emosi dan spiritual (Kumbanaruk & Maetheeponkul, 2008; Ratri, 2014; Yodsakun & Kuha, 2008). Perhubungan ini penting bagi melihat sejauh manakah potensi kecerdasan menghadapi cabaran untuk dihubungkan dengan kecerdasan intelek, emosi dan spiritual dalam model FPK untuk tujuan pembangunan diri pelajar. Justeru, kemampuan pelajar menghadapi cabaran di politeknik akan lebih mantap dengan sokongan kognitif, kestabilan emosi dan kekuatan spiritual.

1.2.3 AQ dan Pendidikan Teknik dan Vokasional

Matlamat PTV adalah untuk melahirkan pekerja terlatih dan berpengetahuan selain memenuhi keperluan pekerja separa profesional dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan perkhidmatan di Malaysia. Mereka bakal berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam bidang masing – masing. Ini bermakna bahawa mereka seharusnya berkemampuan menghadapi cabaran – cabaran tersebut jika mahu terus berjaya dan memperkembangkan lagi potensi secara menyeluruh dan bersepadu seperti yang dinyatakan dalam FPK.

Mohd Fathi et al. (2010) menggariskan beberapa elemen dalam FPK yang jelas memiliki implikasi pada PTV dan AQ seperti Pertama, *pendidikan merupakan suatu usaha berterusan* yang bermaksud proses pendidikan berterusan bagi

membantu individu menyesuaikan diri dengan pelbagai perubahan; Kedua, *memperkembangkan potensi individu* yang bermaksud pendidikan seharusnya memberi peluang individu untuk berkembang bakat, potensi dan kebolehan mereka;

Selain itu, ketiganya adalah *insan yang seimbang dan harmonis* yang bermaksud individu memiliki ketahanan untuk menghadapi segala cabaran hidup serta sanggup berhadapan dengan apa jua masalah yang timbul dan keempat adalah *rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri* yang bermaksud mereka mempunyai daya ketahanan yang kuat untuk menghadapi cabaran hidup. Justeru, pelajar politeknik yang bakal menjadi pekerja separa profesional harus bersedia memantapkan AQ dalam persediaan akademik dan kerjaya kelak.

1.2.4 AQ dan Pencapaian Akademik

Setiap pelajar mahukan pencapaian akademik yang cemerlang. Namun, cabaran – cabaran yang dihadapi oleh pelajar boleh mempengaruhi pencapaian akademik mereka (Karyono, 2013). Ini bermakna bahawa pencapaian akademik berkecenderungan menjadi lebih baik apabila mereka berkemampuan untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan.

Sorotan kajian yang menghubungkan AQ dengan pencapaian akademik pelajar telah dibuktikan (Arstity, 2012; Cura & Gozum, 2011; D'Souza, 2006; HuiJuan, 2009; Yodsakun & Kuha, 2008). Ini memberi gambaran bahawa pelajar yang bijak mengendalikan cabaran semasa proses pembelajaran, berdaya tahan terhadap beban tugas yang diberikan dan tidak mudah berputus asa jika menghadapi kegagalan adalah kunci utama kepada pencapaian akademik yang

cemerlang. Kejayaan bagi seseorang pelajar adalah kecemerlangan akademik. Oleh kerana AQ berperanan sebagai peramal kejayaan global (Stoltz, 1997), maka AQ sangat berpotensi untuk dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar di politeknik.

1.3 Penyataan Masalah

Keperluan untuk membina instrumen AQ dalam kalangan pelajar politeknik adalah tinggi demi merealisasikan Transformasi Politeknik. Pembinaan instrumen AQ hanya dilakukan oleh beberapa pengkaji seperti Bing dan Chen (2008), Desika (2011) dan Njoto (2006). Perkara ini mungkin disebabkan oleh proses pembinaan instrumen itu sendiri yang rumit dan kompleks. Justeru, ramai pengguna bertindak mengadaptasi instrumen sedia ada bagi mengukur AQ. Namun begitu, isu utama dalam pengukuran AQ adalah ciri pengukurannya yang unik. Ini kerana AQ perlu diukur berdasarkan cabaran yang spesifik, yang bermaksud cabaran – cabaran yang dihadapi seseorang adalah berbeza – beza mengikut konteks dan kumpulan. Oleh kerana cabaran yang mendasari pembinaan instrumen di luar negara tidak sama dengan cabaran di negara kita. Maka, adaptasi instrumen AQ dilihat kurang sesuai bagi penggunaan di Malaysia.

Kecenderungan mengadaptasi instrumen dari luar telah menimbulkan masalah psikometrik seperti (1) ketidakseragaman konteks (Angelopoulos et al., 2002; Anik & Lydia, 2006; Primatika & Laily, 2010); (2) ketidakjelasan cabaran dan konteks (Rahmat, 2008); (3) masalah bahasa dan terjemahan (Teddy, 2011); serta (4) pengujian item yang tidak teliti dan bias (Imroatul, 2009). Selain daripada masalah di atas, isu adaptasi ini turut melibatkan dua isu berkaitan seperti Kebezaan Kefungsian

Item (DIF) dan metodologi. Mengenal pasti item yang mempunyai DIF adalah suatu proses memastikan satu – satu item tidak menyinggung mana - mana bangsa, gender dan lain – lain (Ornum, Dunlap, & Shore, 2008). Gender merupakan variabel yang seringkali dikaitkan dengan unsur DIF (Cole, 1997; Covic, Pallant, Conaghan, & Tennant, 2007; Lamprianou, Boyle, & Nelson, 2002; Stobart & Gipps, 1997). Oleh itu, pengujian terhadap DIF pada item adalah sangat penting.

Masalah metodologi boleh dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu ketiadaan semakan pakar (Angelopoulos et al., 2002), bias pensampelan (HuiJuan, 2009; Primatika & Laily, 2010; Santa, 2012) serta isu kesahan dan kebolehpercayaan yang tidak mendalam (Bakare, 2014; Kanjanakaroon, 2012; Pasaribu, 2011; Thi, 2007). Masalah metodologi selalu dikaitkan dengan penggunaan teori pengukuran yang kurang membekalkan maklumat yang mencukupi. Kebanyakan pengkaji menggunakan Teori Ujian Klasikal (TUK) bagi menunjukkan perhubungan antara tret – tret yang diukur. Walau bagaimanapun, TUK mempunyai kelemahan – kelemahan yang boleh menjejaskan mutu pengukuran. Hal ini dibincangkan lebih lanjut dalam Bab Dua.


Pembinaan instrumen AQ yang sah akan memudahkan pengintegrasian AQ bersama IQ, EQ dan SQ sepertimana cadangan pengkaji lepas (Alka, 2012; Hetzel & Stranske, 2007). Kesepaduan ini bakal mengembangkan model FPK serta menguatkan perkaitan sesama kecerdasan (Ma'rof & Haslinda, 2008; Mayer & Salovey, 1997; Mohd Azhar, 2007). Ini disebabkan bahawa kebolehan seseorang untuk menghadapi sesuatu cabaran adalah berdasarkan kepada beberapa faktor kognitif. Perkaitan ini berupaya memberi gambaran lebih besar dan jelas tentang

peranan kebolehan kognitif yang lain dalam diri seseorang individu (Williams, 2003). Dalam pendidikan, pelajar yang berkebolehan menghadapi cabaran cenderung memiliki pencapaian akademik yang baik (Stoltz & Weihenmayer, 2010; Stoltz, 1997). Namun, perhubungan AQ dan pencapaian akademik yang tidak konsisten (Cura & Gozum, 2011; D'Souza, 2006; HuiJuan, 2009; Rizqon, 2009; Williams, 2003; Yodsakun & Kuha, 2008) adalah wajar dikaji bagi menguji sama ada AQ adalah peramal kejayaan seperti ditegaskan Stoltz (1997).

Usaha ini dijangka menyumbang kepada replikasi model CORE daripada konteks budaya kerja kepada konteks pendidikan, serta penghasilan instrumen pengukuran AQ bagi pelajar politeknik. Instrumen ini boleh digunakan oleh Bahagian Pembangunan Hal Ehwal Pelajar serta Unit Kaunseling dan Kerjaya untuk mengenal pasti pelajar yang lemah dalam AQ bagi tujuan pemerksaan diri. Selain itu, perkembangan ilmu AQ memberi petunjuk tentang potensinya untuk mengukuhkan badan ilmu kecerdasan lain secara holistik. Justeru, fokus utama kajian ini adalah untuk membina instrumen AQ melalui model CORE bagi penggunaan di politeknik dan diuji ciri – ciri psikometriknya menerusi analisis model Rasch. Kajian dijangka dapat menghasilkan sebuah instrumen pengukuran AQ dengan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, selain berupaya mengukur peranan AQ terhadap falsafah pendidikan dan menjadi peramal kejayaan global melalui perhubungan AQ dengan IQ, EQ, SQ dan pencapaian akademik.

1.4 Kerangka Teoritikal

Rajah 1.1 menunjukkan gabungan tujuh teori psikologi kognitif seperti (i) Teori Ketidakberdayaan (Seligman, 1975); (ii) Teori Lokus Kawalan (Rotter, 1966); (iii) Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977); (iv) Teori Ketahanan (Kobasa, 1979); (v) Teori Resiliensi (Grotberg, 1995); (vi) Teori Optimisme (Seligman, 1975) dan (vii) Teori Atribusi (Weiner, 1974) yang membentuk empat konstruk AQ iaitu model CORE.



Rajah 1.1. Kerangka Teoritikal Kajian

Ringkasnya, konstruk Kawalan adalah gabungan lima teori psikologi kognitif iaitu teori ketidakberdayaan, teori lokus kawalan, teori efikasi sendiri, teori ketahanan dan teori resiliensi yang disepadukan menjadi Teori Pengendalian Hibrid (Stoltz, 1997). Teori optimisme dan atribusi pula membentuk konstruk Kepunyaan, Jangkauan dan Ketahanan. Penjelasan lanjut kesepaduan teori dijelaskan pada Bab 3.

Kemudian, item – item dibina berdasarkan konstruk CORE menggunakan model pembinaan instrumen oleh Miller et al. (2013). Model ini mengandungi sepuluh langkah proses pembangunan yang akan dihuraikan lebih lanjut dalam Bab 2 dan 4. Salah satu langkah penting adalah pembinaan norma yang bertujuan membandingkan skor kecerdasan AQ seseorang pelajar dengan pelajar yang lain dalam suatu instrumen. Selain itu, kajian menambah analisis pembinaan profil yang bertujuan menunjukkan lakaran graf bar skor ujian seseorang pelajar atau purata skor serta kumpulan melalui perspektif gender, tahun pengajian, jenis program pengajian dan jenis politeknik mengikut zon. Profil mampu menunjukkan perbezaan norma dengan lebih jelas.


Selain itu, ciri – ciri psikometrik item – item yang dibina akan diuji melalui beberapa analisis dalam model Rasch seperti keserasian item, unidimensionaliti, kebebasan setempat, polariti item, kebezaan kefungsiian item, pemetaan – item individu, semakan skala, indeks kebolehpercayaan, dan indeks pengasingan. Pengujian ini bertujuan memilih item – item yang benar – benar mengukur konstruk CORE. Penjelasan lanjut diberikan pada bahagian definisi istilah dan operasional.

1.5 Kerangka Konsepsual

Dalam kajian ini, kerangka konsepsual pada Rajah 1.2 menunjukkan item – item instrumen Kecerdasan Menghadapi Cabaran atau singkatannya IKBAR dibina melalui model CORE. Ciri – ciri psikometrik item – item tersebut diuji menggunakan model Rasch bagi tujuan meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan. Skor pengukuran AQ melalui IKBAR akan dihubungkan kepada dua aspek utama.

Pertamanya adalah aspek kecerdasan lain yang utama dalam FPK iaitu kecerdasan intelek, emosi dan spiritual. Perhubungan ini mampu membekalkan maklumat tentang potensi AQ dalam menyokong aspek kognitif, emosi dan spiritual dalam pembentukan diri seseorang pelajar politeknik. Kajian lepas juga pernah menghubungkan AQ dengan kecerdasan intelek, emosi dan spiritual (Lena, 2009; Ratri, 2014).

Seseorang pelajar yang mampu menghadapi cabaran akan berkecenderungan untuk mencapai kejayaan akademik yang cemerlang memandangkan peranan AQ sebagai peramal kejayaan global (D'Souza, 2006; Stoltz & Weihenmayer, 2010; Stoltz, 1997, 2007). Ini memberi gambaran bahawa wujudnya perhubungan antara AQ dengan pencapaian akademik. Perhubungan kedua – dua variabel ini dikukuhkan melalui kajian lepas yang membuktikan perhubungan AQ dengan pencapaian akademik (Cura & Gozum, 2011; HuiJuan, 2009; Yodsakun & Kuha, 2008)



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

1.6 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan membina instrumen pengukuran AQ iaitu IKBAR berdasarkan model CORE di samping menguji ciri – ciri psikometriknya menggunakan analisis model Rasch. Selain itu, norma dan profil AQ dibina untuk melihat perbandingan AQ dalam kalangan pelajar. Kajian turut mengkaji hubungan di antara AQ dengan IQ, EQ, SQ dan pencapaian akademik.

1.7 Objektif Kajian

- 1.7.1 Menentukur cabaran – cabaran yang dihadapi pelajar politeknik menggunakan model Rasch.
- 1.7.2 Membina instrumen IKBAR bagi pelajar politeknik menggunakan model CORE.
- 1.7.3 Menguji ciri – ciri psikometrik instrumen IKBAR yang dibina menggunakan model Rasch.
- 1.7.4 Membina norma dan profil AQ pelajar politeknik berdasarkan gender, tahun pengajian, jenis program pengajian dan jenis politeknik mengikut zon.
- 1.7.5 Mengkaji hubungan AQ terhadap IQ, EQ dan SQ pelajar politeknik.
- 1.7.6 Mengkaji hubungan AQ terhadap pencapaian akademik pelajar politeknik.

1.8 Soalan Kajian

- 1.8.1 Bagaimanakah tentukan cabaran – cabaran yang dihadapi pelajar politeknik menggunakan model Rasch?
- 1.8.2 Adakah model CORE dapat digunakan untuk membina instrumen IKBAR bagi pelajar politeknik?
 - 1.8.2.1 Apakah item – item instrumen yang mengukur konstruk AQ?
 - 1.8.2.2 Apakah indeks Nisbah Kesahan Kandungan (CVR) bagi setiap item AQ yang dibina?
- 1.8.3 Adakah instrumen IKBAR yang dibina mempunyai ciri – ciri psikometrik yang baik menggunakan model Rasch?
- 1.8.4 Apakah norma dan profil AQ pelajar politeknik berdasarkan gender, tahun pengajian, jenis program pengajian dan jenis politeknik mengikut zon?
- 1.8.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara AQ dengan IQ, EQ dan SQ pelajar politeknik?
- 1.8.6 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara AQ dengan pencapaian akademik pelajar politeknik?

1.9 Hipotesis Kajian

Kesemua hipotesis dibentuk melalui dapatan lepas tentang kecenderungan melibatkan AQ dengan IQ, EQ, SQ dan pencapaian akademik. AQ cenderung dikaitkan dengan pelbagai variabel seperti stres (Imroatul, 2009); sumber manusia (Tekad, 2002); dan pencapaian akademik (Sia, 2001; Yodsakun & Kuha, 2008). Kajian didapati amat terhad bagi perhubungan antara AQ dengan IQ, EQ dan SQ, antara kajian yang dijalankan adalah hubungan AQ dengan EQ (Kumbanaruk & Maetheeponkul, 2008); serta hubungan AQ dan MQ (Thongsai, 2008). Justeru, hipotesis yang dibentuk adalah hipotesis nul kerana tidak banyak sokongan kajian empirikal bagi mendukung hipotesis (Gay, Mills, & Airasian, 2012).

Perhubungan AQ dengan pencapaian akademik disokong oleh teori yang menjelaskan peranan AQ sebagai peramal kejayaan global (D'Souza, 2006; Stoltz & Weihenmayer, 2010; Stoltz, 1997, 2007). Malah, individu dengan kecerdasan yang tinggi berkecenderungan untuk berprestasi baik (Ma'rof & Haslinda, 2008). Walau bagaimanapun, kajian lepas mendapati wujudnya dapatan yang tidak konklusif di antara pengkaji di mana wujudnya kajian yang mendapati hubungan yang positif dan signifikan antara AQ dengan pencapaian akademik (Cura & Gozum, 2011; D'Souza, 2006; Hajar, 2013; HuiJuan, 2009; Lailatul, 2009; Williams, 2003; Yodsakun & Kuha, 2008). Manakala terdapat juga kajian yang mendapati bahawa tiadanya hubungan antara AQ dengan pencapaian akademik (Anik & Lydia, 2006; Arstity, 2012; Hairatussaani, 2010; Indah, 2010; Kiki, 2011; Priska, 2010; Rizqon, 2009; Sia, 2001). Oleh kerana dapatan yang tidak konsisten, kajian akan menggunakan hipotesis nul bagi hipotesis keempat dalam kajian ini.

Justeru, sebanyak empat hipotesis telah dicadangkan untuk diuji dalam kajian ini. Hipotesis menjangkakan tidak wujud perhubungan antara AQ dengan IQ, EQ, SQ serta pencapaian akademik.

H₀₁ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara AQ dan IQ dalam kalangan pelajar politeknik.

H₀₂ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara AQ dan EQ dalam kalangan pelajar politeknik.

H₀₃ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara AQ dan SQ dalam kalangan pelajar politeknik.

H₀₄ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara AQ dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar politeknik.

1.10 Sumbangan Kajian

Kajian ini mengembangkan dan mereplikasi model CORE daripada konteks budaya kerja kepada konteks pendidikan, menghasilkan alat ukur AQ bagi pelajar politeknik di Malaysia serta pengujian kesahan dan kebolehpercayaan melalui analisis model Rasch yang berupaya menyaring item terbaik untuk pengukuran AQ. Selain itu, kajian mengembangkan falsafah pendidikan dan model AQ itu sendiri melalui pengintegrasian AQ dengan IQ, EQ dan SQ serta pencapaian akademik. Kesepaduan ini boleh menjadi nilai tambah kepada graduan yang berketrampilan dan berakhlak mulia (Abd. Jalil, 2008).

Secara praktikalnya, pihak Jabatan Pengajian Politeknik (JPPoli), Bahagian Pembangunan Hal Ehwal Pelajar dan Unit Kaunseling dan Kerjaya di politeknik boleh merangka program pembangunan diri untuk pelajar dengan AQ yang rendah. Instrumen IKBAR ini mampu bertindak sebagai indikator bagi pemilihan Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar dan Pembimbing Rakan Sebaya. Kajian AQ ini berpotensi mengembangkan literatur dengan mengkaji perkaitan AQ dengan variabel lain seperti penyesuaian diri, tret personaliti dan pencapaian motivasi. Dengan itu, perkembangan ilmu AQ berupaya berkembang dan memberi suntikan baharu dan warna dalam pembangunan diri pelajar di politeknik.

1.11 Delimitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa delimitasi. Pertama, pensampelan kajian hanya melibatkan pelajar di lima buah politeknik sahaja mengikut zon iaitu Politeknik Premier Ungku Omar (PUO) mewakili Zon Barat, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) mewakili Zon Utara, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) mewakili Zon Timur, Politeknik Port Dickson (PPD) mewakili Zon Selatan dan Politeknik Kuching Sarawak (PKS) mewakili Zon Borneo. Kedua, pembinaan norma dan profil hanya melibatkan strata gender, tahun pengajian, jenis program pengajian dan jenis politeknik mengikut zon.

Ketiga, responden semester satu dan empat tidak diambil kira dalam kajian kerana pelajar semester satu tidak mempunyai Purata Nilain Gred Kumulatif (PNGK) bagi pencapaian akademik, manakala responden semester empat terlibat dalam Latihan Industri (LI). Keempat, cabaran pelajar dikenal pasti hanya melalui

sebelas dimensi masalah *Mooney Problem Check List* (MPCL) atau Senarai Semak Masalah Mooney (SSMM) oleh Mooney dan Gordon (1950) iaitu kesihatan, kewangan, rekreasi, persahabatan, sosial, peribadi, keagamaan, keluarga, kerjaya, pengajian dan pembelajaran. Kelima, pembinaan item pengukuran AQ hanya berdasarkan model CORE dengan empat konstruk utama iaitu kawalan, kepunyaan, jangkauan dan ketahanan. Keenam, model pembinaan instrumen oleh Miller, Lovler dan McIntire (2013) tidak menyentuh langkah ke sepuluh iaitu pembinaan manual kerana fokus utama kajian adalah kepada pembinaan dan pengesahan item sahaja. Ketujuh, skala penipuan tidak dibina dalam kajian ini dan yang kelapan adalah pengujian model Rasch bagi item DIF hanya melibatkan ciri gender sahaja.

1.12 Definisi Istilah dan Operasional Kajian

1.12.1 Pembinaan Instrumen

Pembinaan instrumen AQ bermaksud sejenis instrumen untuk mengukur Kecerdasan Menghadapi Cabaran atau AQ yang dinamakan sebagai Instrumen Kecerdasan Menghadapi Cabaran atau singkatannya IKBAR. Kajian ini mengaplikasikan model pembinaan instrumen oleh Miller et al. (2013). Sembilan proses pembangunan instrumen yang disarankan oleh model ini adalah (1) mentakrif konstruk, menentukan tujuan dan sasaran instrumen; (2) mereka bentuk instrumen; (3) membina item instrumen; (4) menyediakan arahan pentadbiran dan penskoran instrumen; (5) mengendalikan kajian rintis; (6) melakukan analisis item; (7) menyemak instrumen; (8) menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen; dan (9) menentukan norma (dengan analisis tambahan iaitu profil). Langkah kesepuluh iaitu pembinaan manual

adalah delimitasi kajian ini kerana fokus kajian ini hanya melibatkan pengesahan item sahaja. Analisis tambahan iaitu pembentukan profil berguna untuk menjelaskan lagi norma dalam bentuk grafik. Model pembinaan instrumen ini diterangkan lebih lanjut pada Bab 4.

1.12.2 Kecerdasan Menghadapi Cabaran (AQ)

Stoltz (1997) menegaskan AQ atau *Adversity Quotient* secara istilah bermaksud kemampuan atau kebolehan seseorang individu berjuang menghadapi dan mengatasi cabaran, masalah atau kesulitan yang dihadapi, serta mengubahnya menjadi peluang untuk lebih berjaya. Dalam konteks kajian, AQ didefinisikan sebagai pengukuran terhadap kemampuan seseorang pelajar politeknik untuk mengendalikan cabaran, mengatasi cabaran yang wujud dan mengubahnya menjadi peluang untuk mencapai kejayaan. Kejayaan di sini bermaksud pencapaian akademik dan kemampuan AQ seseorang untuk mengukuhkan kecerdasan lain dalam diri mereka. AQ diukur melalui empat konstruk iaitu kawalan (*Control*), kepunyaan (*Ownership*), jangkauan (*Reach*) dan ketahanan (*Endurance*). Konstruk ini dikenali sebagai model CORE yang dijelaskan lebih lanjut dalam Bab 3.

Terdapat tiga takrifan utama bagi konstruk kawalan iaitu sejauh manakah seseorang merasakan dirinya mampu mengendalikan dan bertindak balas terhadap situasi cabaran secara terkawal (Stoltz & Weihenmayer, 2010; Stoltz, 1997, 2007). Dua lagi takrifan yang dipertimbangkan dalam konstruk ini adalah kemampuan untuk berkeyakinan positif dan kemampuan seseorang untuk bangkit semula setelah menempuh cabaran atau mengalami kegagalan.

Terdapat dua takrifan utama bagi konstruk kepunyaan iaitu penjelasan terhadap asal – usul yang bermaksud kemampuan seseorang individu menjelaskan penyebab kepada cabaran yang dihadapinya. Takrifan kedua pula adalah pengakuan akibat iaitu kemampuan seseorang mengakui kewujudan akibat daripada cabaran.

Terdapat tiga takrifan utama bagi konstruk jangkauan iaitu kemampuan individu untuk memastikan bahawa cabaran dihadapi tidak memberi kesan kepada bahagian lain hidup mereka; seperti impak gangguan kesihatan, prestasi akademik dan sebagainya (Stoltz & Weihenmayer, 2010; Stoltz, 1997, 2007). Dua lagi takrifan bagi konstruk ini adalah kemampuan individu untuk membataskan cabaran daripada dipengaruhi masalah lain dalam hidupnya dan kemampuan individu untuk berusaha dengan segera bagi menyelesaikan cabaran yang dihadapi.

Tiga takrifan utama bagi konstruk ketahanan individu itu iaitu kemampuan individu untuk menjangka tempoh masa cabaran akan berlangsung dalam hidupnya, kemampuan individu menjangka tempoh masa penyebab cabaran akan berakhir dalam hidupnya dan kemampuan individu mampu mencari jalan penyelesaian terhadap cabaran.

1.12.3 Cabaran

Merujuk Kamus Dewan (2013), cabaran bermaksud hasil mencabar (mempersoalkan, mempertikaikan); ajakan (utk berlawan dsb); sesuatu (unsur, faktor, dsb) yg mencabar (menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi dll). Masalah pula bermaksud sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran. Oleh itu, cabaran membawa maksud sesuatu

hal atau perkara (masalah) yang menguji kemampuan serta ketabahan seseorang pelajar dalam sesebuah institusi. Dalam konteks politeknik, pelajar perlu bijak berhadapan dengan permasalahan yang mencabar kehidupan mereka demi meningkatkan prestasi akademik.

Stoltz & Weihenmayer (2010) menegaskan bahawa terdapat dua jenis cabaran iaitu cabaran dalaman seperti ketakutan, kebimbangan, kemurungan, kesunyian, tiada keyakinan, masalah kesihatan, insomnia, ketidaktentuan dan lain – lain. Manakala satu lagi jenis cabaran adalah cabaran luaran melibatkan faktor luar seperti masalah ekonomi, kegagalan dalam peperiksaan, kerosakan komputer dan lain – lain lagi.

Istilah cabaran dalam kajian ini merujuk kepada masalah yang dihadapi pelajar politeknik berdasarkan dimensi *Mooney Problem Check List* (MPCL) atau Senarai Semak Masalah Mooney (SSMM) oleh Mooney dan Gordon (1950) dengan sebelas dimensi kategori jenis masalah seperti Kesihatan (Kesihatan dan perkembangan fizikal), Kewangan (kewangan dan keadaan kehidupan pelajar), Rekreasi (Aktiviti sosial dan rekreasi pelajar), Persahabatan (Persahabatan, seks dan perkahwinan), Sosial (Hubungan dan interaksi sosial), Peribadi (Hubungan peribadi dan personaliti), Keagamaan (Agama dan moral), Keluarga (Rumah dan keluarga), Kerjaya (Masa hadapan, kerjaya dan pendidikan), Persekolahan (Penyesuaian diri dengan persekolahan), dan Pembelajaran (Kurikulum dan pembelajaran). Penukaran istilah hanya dilakukan pada (x) iaitu Persekolahan kepada Pengajian untuk disesuaikan dalam konteks pengajian di politeknik yang bertahap Institusi Pengajian Tinggi. Soalan terbuka turut dilakukan bagi mendapatkan cabaran lain selain daripada MPCL bagi mendapatkan lebih maklumat berkaitan cabaran pelajar.

1.12.4 Norma

Secara istilah, norma merujuk kepada perbandingan skor kecerdasan seseorang individu dengan individu yang lain dalam suatu ujian (Cohen, Swerdlik, & Sturman, 2012; Gay et al., 2012; Kaplan & Saccuzzo, 2013). Norma juga menghasilkan piawaian bagi menginterpretasi skor (McIntire & Miller, 2007). Norma dipilih menerusi kaedah pangkatan persentil (*percentile rank*) kerana ia berupaya memangkatkan individu daripada skala satu peratus hingga 100 peratus. Ramai pembina instrumen menggunakannya dalam kumpulan norma mereka menerusi pelbagai jenis skor (Miller et al., 2013). Kajian turut membandingkan prestasi menggunakan nilai ukuran dalam model Rasch.

Kajian membandingkan pencapaian AQ pelajar daripada ciri gender, tahun pengajian (HuiJuan, 2009; Macasaet, 2013) dan jenis program pengajian kerana ciri ini sesuai membuat perbandingan profil pelajar (Rohaya, 2009). Oleh kerana pembina instrumen selalunya membina dan menerbitkan norma untuk lebih daripada satu kumpulan (Miller et al., 2013). Maka, kajian telah menambah satu ciri lagi iaitu jenis politeknik mengikut zon bagi menambah variasi dalam pembinaan norma.

Gender dikategorikan kepada lelaki dan perempuan. Tahun pengajian terdiri daripada tahun satu, dua dan tiga. Jenis program pengajian meliputi Jabatan kejuruteraan seperti Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Perkapalan (JKP), Jabatan Kejuruteraan Petrokimia (JKPK) dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM). Jabatan bukan kejuruteraan pula adalah seperti Jabatan Perdagangan (JP), Jabatan Teknologi